



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/06/91 (HQ)

KERJA BAIKI KABEL TERBAKAR DI JAMBATAN PULAU PINANG SIAP HAMPIR DUA MINGGU LEBIH AWAL

- Kabel voltan tinggi bakal dimula tugas pada 25 Jun 2021, 11 hari lebih awal daripada jadual

Kerja-kerja membaiki kabel voltan tinggi milik **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** yang terbakar di KM3.2 Jambatan Pulau Pinang pada 22 Februari 2021 dijangka siap untuk mula tugas pada 25 Jun ini, hampir dua minggu lebih awal daripada dijadualkan.

Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin berkata komitmen pantas dan berterusan TNB dengan kerjasama pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Malaysia Bhd (PLUS) membolehkan kerja-kerja baik pulih berjalan lebih cepat daripada dijadualkan iaitu 6 Julai 2021 meskipun berdepan keadaan laut yang bergelora.

“Kerja-kerja baik pulih bermula pada 4 Mac 2021 melibatkan penggantian tiga kabel voltan tinggi dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Tengah ke Bayan Mutiara sepanjang kira-kira 1 km.

“Sepanjang tempoh pembaikan, kelancaran trafik di Jambatan Pulau Pinang tidak terganggu sama sekali kerana TNB hanya menggunakan jalan laut. Kerja-kerja pembaikan juga tidak menjejaskan daya harap dan kestabilan bekalan elektrik ke Pulau Pinang,” katanya.

Jelas beliau, TNB menggunakan bot dan baj bagi mengangkat peralatan dan alat ganti, selain melakukan kerja merentang kabel menggunakan baj sepenuhnya.

Kerja-kerja diteruskan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 semasa situasi pandemik COVID-19 yang memuncak setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat bagi mengekang penularan wabak di tapak kerja.

“Keutamaan TNB ialah memulihkan kerosakan yang berlaku agar pengguna di Pulau Pinang dapat berterusan menerima bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap, selaras dengan nilai teras kami yang Mengutamakan Pelanggan,” tambah Husaini.

“TNB berterima kasih atas kerjasama yang diberikan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Suruhanjaya Tenaga (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis); LLM; PLUS; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Polis Diraja Malaysia dan Penang Port Sdn. Bhd.”

Laporan siasatan kejadian sedang disediakan dan akan dimuktamadkan bersama pihak PLUS pada bulan Julai 2021.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Jun 2021, jam 12:00 tengah hari

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Head Grid Maintenance TNB, Kamarol Zaman Razak (dua, kiri) membuat tinjauan kerja-kerja baik pulih pada hari pertama dilaksanakan bermula 4 Mac 2021.

Hadir sama, Head Grid Maintenance (North) TNB, Ir. Muhamad Shah Rizal Suleiman (tiga, kiri); Principal Engineer (Lines & Cable), Grid Maintenance (North) TNB, Ir. Ts. Kamarulzaman Mohd Dahari (kiri), dan Jurutera (Kabel), Grid Maintenance (North) TNB, Muhammad Farid Ismail.



Kerja-kerja membaiki kabel voltan tinggi yang terbakar di KM3.2 Jambatan Pulau Pinang dilaksanakan sepenuhnya menggunakan baj dan pengangkutan air bagi memastikan kelancaran trafik di jambatan tidak terjejas.



Ketua Pegawai Grid Tenaga Nasional Berhad, Datuk Ir. Husaini Bin Husin.